



# UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

## جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

TIMBALAN NAIB CANSelor  
(HAL EHWAJ PELAJAR DAN ALUMNI)

DEPUTY VICE-CHANCELLOR  
STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI

Pusat Hal Ehwal Pelajar  
Tel.: 06-798 6100/6101

Ruj. Kami: USIM.700-9/1/2 (13) (S)  
Tarikh : 28 Rejab 1446 / 29 Januari 2025

### SENARAI EDARAN SEBAGAIMANA LAMPIRAN 1

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

### PENUBUHAN JAWATANKUASA TATATERTIB TERUS PELAJAR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah USIM Bil. 6/2024 pada 19 Disember 2024 telah bersetuju meluluskan Penubuhan Jawatankuasa Tataterib Terus Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia berkuat kuasa mulai **19 Disember 2024**.
- ... 3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Terma Rujukan Jawatankuasa Tataterib Terus Universiti Sains Islam Malaysia sebagai makluman dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dan seterusnya untuk dipanjangkan kepada kakitangan dan Penasihat Badan Pelajar di bawah seliaan masing-masing yang berkaitan. Peraturan tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Hal Ehwal Pelajar.
4. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini boleh rujuk kepada Puan Amira Asyikin Razali Ketua Seksyen Penajaan, Kebajikan dan Tataterib, Pusat Hal Ehwal Pelajar di talian 06-798 6151 atau melalui emel [mirasyikin@usim.edu.my](mailto:mirasyikin@usim.edu.my).

Segala kerjasama berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

### "MALAYSIA MADANI"

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROFESOR DATO' DR. ADNAN MOHAMED YUSOFF)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

- s.k.: i. Ketua Pustakawan  
ii. Penasihat Undang-Undang

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Knowledgeable, Disciplined and Devout



Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia

Tel : (+6)06 - 798 8017 | Faks : (+6)06-799 1309 | [www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)



**TERMA RUJUKAN**  
**JAWATANKUASA TATATERTIB TERUS UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**1. PENGENALAN**

- 1.1 Jawatankuasa Tatatertib Terus berperanan dalam mengambil apa-apa tindakan tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak melebihi lima ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib di bawah perenggan 3(1)(i) dan kaedah 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46 dan 47 sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Sains Islam Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024 seperti berikut:

| <b>KAEDAH-KAEDAH</b> | <b>KESALAHAN TATATERTIB</b>   | <b>CABUTAN BAHAGIAN</b>           |
|----------------------|---|-----------------------------------|
| 3(1)(i)              | Melanggar apa-apa arahan atau kehendak Ketua Pustakawan Universiti, atau pekerja perpustakaan lain berkenaan dengan penggunaan perpustakaan, buku-buku perpustakaan dan kemudahan lain di dalam perpustakaan. |                                   |
| 23                   | Merokok, menggunakan, menyimpan, dsb., produk tembakau, produk pengganti tembakau, dsb.   |                                   |
| 24                   | Kebersihan di dalam Kampus  |                                   |
| 25                   | Membuat bising  |                                   |
| 26                   | Tempat penginapan atau tempat tidur di dalam Kampus   | Bahagian II<br>Tatatertib Am      |
| 27                   | Memasuki bahagian Kampus atau bahagian Kampus yang dilarang   |                                   |
| 28                   | Pakaian pelajar   |                                   |
| 29                   | Kad pelajar   |                                   |
| 30                   | Kuasa pihak berkuasa tatatertib untuk memberikan apa-apa perintah, suruhan atau arahan yang berhubung dengan ketenteraman dan tatatertib Universiti   |                                   |
| 34                   | Berada di luar premis asrama selepas tengah malam   |                                   |
| 35                   | Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam  |                                   |
| 36                   | Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu   | Bahagian III<br>Tatatertib Asrama |
| 37                   | Bertukar bilik tanpa kebenaran terlebih dahulu  |                                   |

| KAEDAH-KAEDAH | KESALAHAN TATATERTIB   | CABUTAN BAHAGIAN                              |
|---------------|--|---|
| 38            | Berpindah tempat tinggal   |   |
| 39            | Menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus |   |
| 40            | Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya di atas jalan raya         | Bahagian IV<br>Tataterib Lalu<br>Lintas Jalan |
| 41            | Meletak kenderaan atau kenderaan motor secara menghalang           |   |
| 42            | Menggunakan ruang letak kereta yang diintukkan                     | Bahagian IV<br>Tataterib Lalu<br>Lintas Jalan |
| 43            | Membonceng   |   |
| 44            | Pemakaian topi keledar dan tali pinggang keledar                   |   |
| 45            | Arahan dan isyarat lalu lintas                                     |   |
| 46            | Pengemukaan lesen memandu dan kad pelajar                          |   |
| 47            | Halangan kepada aliran lalu lintas                                 |   |

- 1.2 Bagi melaksanakan hukuman tataterib terus ini, Jawatankuasa Tataterib Terus akan mengeluarkan arahan kepada Penguatkuasa daripada kalangan pegawai-pegawai yang sering berurusan dengan pelajar seperti daripada Jabatan Keselamatan, Jabatan Perpustakaan, Pusat Hal Ehwal Pelajar, Pusat Perumahan Pelajar dan fakulti-fakulti.
- 1.3 Bagi tujuan pemantauan, Jawatankuasa Tataterib Terus akan mendengar pelaporan kes tataterib terus dari Penguatkuasa.

## 2. KEAHLIAN

|                     |   |   |
|---------------------|---|---|
| Pengerusi           | : | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| Ahli 1              | : | Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar                      |
| Ahli 2              | : | Pengarah Jabatan Keselamatan                          |
| Urus Setia          | : | Pegawai Tadbir Tataterib Pusat Hal Ehwal Pelajar      |
| Kekerapan Mesyuarat | : | Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun               |

## 3. PERANAN JAWATANKUASA TATATERIB TERUS

- 3.1 Mengenalpasti Penguatkuasa;
- 3.2 Melantik Penguatkuasa;
- 3.3 Mengeluarkan arahan pelaksanaan tataterib terus kepada Penguatkuasa;
- 3.4 Memastikan Penguatkuasa melaksanakan hukuman tataterib terus berdasarkan Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Sains Islam Malaysia)

(Tatatertib Pelajar) 2024 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan AUKU 2024);

- 3.5 Menyelaras kadar denda hukuman tatatertib terus;
- 3.6 Mendengar pelaporan kes tatatertib terus semasa mesyuarat yang ditetapkan; dan
- 3.7 Menyemak terma arahan kepada Penguatkuasa.

#### **4. SURAT LANTIKAN**

Surat lantikan Penguatkuasa Hukuman Tatatertib Terus dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tatatertib Terus Pelajar yang akan ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

#### **5. TEMPOH LANTIKAN**

Mengikut lantikan jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar dan Pengarah Jabatan Keselamatan.

#### **6. TARIKH KUAT KUASA**

Pelaksanaan Jawatankuasa Tatatertib Terus Universiti Sains Islam Malaysia adalah berkuat kuasa mulai 19 Disember 2024 berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2024 yang bersidang pada tarikh sama.

#### **7. PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

Seksyen Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib  
Bahagian Pembangunan dan Kebajikan Pelajar  
Pusat Hal Ehwal Pelajar  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Tel: 06-798 6151 / 86160

Emel : [mirasyikin@usim.edu.my](mailto:mirasyikin@usim.edu.my) / [ziela@usim.edu.my](mailto:ziela@usim.edu.my) / [pengarah.hep@usim.edu.my](mailto:pengarah.hep@usim.edu.my)